

**TALKING POINT**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN**  
**PADA 27 APRIL 2011**  
**DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan  
Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib  
Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pemangku  
Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan  
UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta staf Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

Hadirin sekalian,

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya titipkan buat staf UniMAP yang masih lagi memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik kita ini. Ini bukan hanya sebagai tempat untuk menyihatkan badan tetapi sebagai wadah untuk kita berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini yang berlaku di UniMAP.

Ladies and gentlemen,

Yesterday (26 April 2011), UniMAP and PISKANITA have organized a community service program at the Sri Kenangan old folks home, Jejawi. It involved 108 UniMAP volunteers made up of our staff. This program aims to encourage the UniMAP staffs to mingle with the elderly people to bring back a

bit of happiness and to show that they are not forgotten. We did a lot of activities and they seemed to appreciate it. I took some time off with my wife to pay them a visit and truly felt a deep sympathy to their situation. Most of them did not choose to be there and I'm sure none of us would like to be in their shoes. Looking at the elderly people of the Sri Kenangan, we can tell that they have been through hard times in their lives. So to all UniMAP staffs (who still have their parents), I do hope that everybody will take good care of your parents. This is how we repay our parents for what they did to us. Shower them with our love and care as we can never turn back the time.

Hadirin sekalian,

Pertama sekali, saya ingin merakam ucapan takziah kepada rakan seperjuangan kita iaitu Allahyarham Prof. Madya Dr. Mustapah Daud iaitu pensyarah di Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan (PKKK) UniMAP yang telah kembali ke rahmatullah, jam 1.30 tengah hari pada 25 April 2011 yang lalu. Pemergian Allahyarham amat mengejutkan kita semua kerana ianya terjadi disaat tiada sesiapa pun yang menduga. Namun, janji Allah S.W.T itu benar, apabila sampainya waktu untuk kita kembali kepadaNya Maha Pencipta, tidak akan ada yang mampu menghalang. Tidak akan sesaat pun dilewatkan. Oleh itu, dikesempatan yang ada

ini, marilah sama-sama kita sedekahkan Al-Fatihah buat Allahyarham. Semoga rohnya diberkati dan dirahmati oleh Allah S.W.T dan ditempatkan di kalangan hambaNya yang soleh. Al-Fatihah.

Disini, saya juga ingin memohon maaf kepada semua penyelidik UniMAP yang sepatutnya menerima anugerah masing-masing pada majlis yang telah kita aturkan pada 25 April 2011. Hal ini kerana kita terpaksa menunda majlis tersebut ke satu tarikh yang lain. Penundaan ini adalah sebagai menghormati pemergian Allahyarham Prof. Madya Dr. Mustaphah Daud sekaligus memberi peluang kepada para penyelidik UniMAP untuk bersama-sama memberi penghormatan terakhir kepada Allahyarham. Tetapi saya pasti, majlis yang kita rencanakan ini akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Hadirin sekalian,

Esok, 28 April 2011, saya bersama Dr. Faizal Jamlos akan bersiaran secara langsung di Malaysia Hari Ini (MHI), TV3. Dalam temubual tersebut, pihak MHI ingin berkongsi rahsia kita dalam melahirkan pelajar UniMAP yang cemerlang dan Dr. Faizal adalah salah seorang contoh alumni UniMAP yang Berjaya. Saya berharap dengan kemunculan saya dan Dr. Faizal nanti akan memberikan impak yang positif buat UniMAP. Semoga dengan kemunculan ini, kita mampu

menarik lebih ramai pelajar untuk sidang akademik yang akan datang.

Hal ini kerana, kita masih lagi dalam situasi untuk menaikkan nama dan imej UniMAP di mata masyarakat sekaligus menyerlahkan nama UniMAP bukan sahaja dipersada negara malah di persada antarabangsa. Saya mengharapkan agar ini akan menjadi titik tolak kepada kemajuan yang bakal UniMAP perolehi kelak. Amanah untuk memajukan dan mengharumkan nama UniMAP bukan terletak dibahu saya seorang tetapi dibahu saya dan juga dibahu anda sekalian.

Perkara yang ‘baik’ sama-sama lah kita hebahkan, perkara ‘kurang baik’ atau ‘kekurangan’ sama-sama lah kita perhati dan perbaiki. Mantapkan UniMAP, gahkan nama UniMAP sehingga meniti di bibir mereka yang lain. Menjadi contoh terbaik kepada universiti yang lain – bukan kerana kelemahan tetapi kerana kehebatan UniMAP yang kita kasihi ini. Kepincangan lalu UniMAP , saya harap dapat dijadikan iktibar dan marilah kita bersama-sama mengorak langkah untuk mencipta kejayaan yang lebih gemilang – atas nama UniMAP. Amin.

Hadirin sekalian,

Rasanya cukup setakat ini sahaja. Saya sudahi ucapan saya pada pagi ini dengan serangkap pantun:

**Adanya mereka, warga yang lama,  
Baru lahirnya anda, warga yang baru,  
Tak guna mengenang, jika sudah tiada,  
Hargailah mereka, selagi termampu.**

Sekian. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Terima kasih.